



## **OptiPlex 980 Dell - Komputer Meja Pertama Yang Diberi Anugerah**

### **Pensijilan TCO Baharu Untuk Alam Sekitar dan Reka Bentuk Berprestasi Tinggi**

STOCKHOLM, 30 Mac /PRNewswire-AsiaNet/ -- TCO Certified, label berprestasi tinggi dan mesra alam sekitar bagi produk teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), mengumumkan mengenai keluaran pensijilan baharu untuk komputer meja : TCO Certified Desktops 3.0. OptiPlex 980 Dell merupakan komputer meja pertama di dunia yang dianugerahkan dengan peruntukan TCO Certified yang baharu untuk reka bentuk berprestasi tinggi dan mesra alam sekitar.

Semua produk TCO Certified diuji secara lasak oleh makmal bebas bagi reka bentuk berprestasi tinggi, selain ujian untuk tahap penggunaan tenaga, bunyi, pelepasan elektro magnet yang rendah serta impak alam sekitar. Produk yang berprestasi tinggi ini dibangunkan untuk mengurangkan masalah E-sisa global kerana ia dibangunkan untuk jangka hayat yang lebih panjang dan untuk dikitar semula pada akhir hayatnya. Pencapaian TCO Certified oleh Dell juga mengesahkan komitmen aktif dan semasa mereka terhadap tanggungjawab sosial korporat, aspek penting dalam pensijilan TCO.

"Komputer meja terus memainkan peranan yang penting dalam ruang pasaran PC. Dalam bidang pendidikan, penjagaan kesihatan dan penentuan perusahaan, komputer meja PC memberi perkhidmatan kepada sebahagian besar daripada para pengguna dan merupakan faktor utama yang menentukan penggunaan tenaga dalam organisasi.

Oleh itu adalah kritikal bagi kami untuk bekerjasama dengan jenama seperti Dell bagi mengeluarkan komputer meja yang lebih cekap, reka bentuk yang bertumpukan kepada manusia dan ruang yang boleh diguna, dan kami sangat berbangga untuk

memberikan mereka anugerah TCO Certification bagi OptiPlex 980", kata Soren Enholm, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) TCO Development.

Sebagai komputer meja Dell yang paling berprestasi tinggi, OptiPlex 980 memenuhi cabaran persekitaran teknologi maklumat yang kompleks dengan gabungan prestasi terjamin, berkelas perusahaan, reka bentuk yang menjimatkan penggunaan tenaga serta teknologi utama untuk pengurusan sistem remote.

#### **Maklumat mengenai TCO Certified**

TCO Certified merupakan pensijilan pihak ketiga untuk produk teknologi maklumat dan komunikasi berprestasi tinggi, produk yang juga direka bentuk untuk meminimumkan impak alam sekitar. Sejak 1992 program pensijilan TCO mempunyai pengaruh utama dalam meningkatkan kualiti imej dan ergonomik untuk paparan. Kecekapan tenaga dan pengurangan penggunaan bahan electro magnetik daripada produk-produk teknologi maklumat dan komunikasi. Kecekapan tenaga dan pengurangan bahan berbahaya juga merupakan aspek penting dalam pensijilan TCO. Produk yang diliputi dalam program pensijilan TCO meliputi notebook dan komputer meja PC, paparan, set kepala telefon dan projektor. TCO Certified memudahkan usaha untuk memilih teknologi yang



dibangunkan untuk penggunaan serta mementingkan kesan terhadap alam sekitar. TCO Development, syarikat yang bertanggungjawab terhadap TCO Certified, beribu pejabat di Stockholm, Sweden, dengan kehadiran serantau di Asia dan Amerika Utara. Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://www.tcodevelopment.com>

**Maklumat mengenai Dell**

Dell Inc. (NASDAQ: DELL) mendengar kehendak dan nilai pelanggan, dan menawarkan teknologi dan perkhidmatan yang mereka kehendaki. Untuk maklumat lanjut, layari <http://www.dell.com>.

**Hubungi di TCO Certified:**

Soren Enholm, ketua pegawai eksekutif,  
[soren.enholm@tcodevelopment.com](mailto:soren.enholm@tcodevelopment.com)  
tel: 8-782-9103

Emma Sjogren, Business Area Manager Computers,  
[emma.sjogren@tcodevelopment.com](mailto:emma.sjogren@tcodevelopment.com)  
tel: 8-782-9195

SUMBER : TCO Development